

Keating wajar lupakan maruah

SYDNEY: Perdana Menteri Australia, Paul Keating semalam tertekan hebat bagi melupakan maruah dan keangkuhannya membantu memulihkan kembali hubungan yang keruh di antara Australia dan Malaysia.

Kebimbangan kini memuncak di Australia bahawa kekeruhan hubungan itu boleh membawa kepada krisis diplomatik secara besar-besaran.

Kini, tugas mengatasi masalah itu terletak di bahu Keating kerana dibimbangi mengancam perdagangan bernilai berbilion dolar apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap surat Keating sebagai hambar dan tidak menggambarkan kesungguhan beliau memulihkan kembali hubungan kedua-dua negara.

Keating yang dianggap celupar kerana menyebabkan pertelingkahan selepas mengatakan Dr Ma-

hathir 'berkepala batu' kerana keengganan beliau menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Settle, terus berdiam diri, semalam.

Bagaimanapun, Keating dijangka muncul dalam satu rancangan televisyen hari ini dan dijangka akan mengulas mengenai isu itu.

Seorang jurucakap Kementerian Luar Australia, berkata kerajaan kini meneliti kenyataan Dr Mahathir mengenai surat Keating itu. Bagaimanapun, katanya, beliau tidak dapat mengulas sama ada keating akan menanggungkan lawatannya ke Malaysia bulan depan.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata Jumaat lalu, Keating menanggungkan lawatannya ke Malaysia tanpa memberi sebab.

Akhbar kebangsaan Australia menyebut semalam bahawa hubungan ke-

dua-dua negara kini berada di tahap krisis yang mungkin akan menyebabkan Australia mungkin mengurangkan pembabitannya dalam Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA).

Pemimpin pembangkang, John Hewson memberitahu wartawan, Menteri Luar, Gareth Evans, yang kini berada di Papua New Guinea, perlu ke Kuala Lumpur segera bagi memulihkan hubungan.

Beliau juga mahukan Keating bercakap terus dengan Dr Mahathir.

"Saya menggesa Perdana Menteri mengarahkan Senator Evans ke Kuala Lumpur dan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya," kata Hewson kepada wartawan.

"Perkara ini perlu dilakukan sebagai sesuatu yang perlu disegerakan."

Keating tidak meminta maaf secara rasmi dalam suratnya. — Reuter